



سَيِّدُكَوَلَةُ وَيَكْتُسِبَانِ عَامِلِي مَكْتَبَةِ دُوَا

SEKOLAH KEBANGSAAN ALAM MEGAH DUA

PERSIARAN KUALA LANGAT, SEKSYEN 27, 40400 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

TEL: (6) 03 - 5192 6879, 5191 8502 FAX: (6) 03 - 5191 1671

Ruj. Kami : Bil () dlm SKAMD/07/04/002
Ruj. Tuan :
Tarikh : 30 Januari 2012

Ibu bapa/Penjaga,
Sek. Keb. Alam Megah Dua.

Tuan/Puan,

FUN WITH EDUCATOR

Sukacita perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah diraklumkan bahawa Panitia Bahasa Inggeris akan menjalankan aktiviti **Fun With Educator**. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah akan melanggan majalah Educator kepada kumpulan sasaran: (murid-murid Tahap 1 dan 2) bermula **Februari 2012** ini.

3. Aktiviti **Fun With Educator** ini dijalankan sebagai salah satu untuk menggalakkan murid-murid membaca selari dengan hasrat kerajaan ke arah masyarakat membaca dan memperkasakan Bahasa Inggeris. Selain itu, aktiviti sebegini akan dapat menambah pengetahuan serta penguasaan kosa kata dan tata bahasa murid. Murid juga boleh mengaribil bahagian dalam pertandingan yang disediakan dalam majalah ini.

4. Pembelian majalah tersebut tiada sebarang unsur paksaan. Namun begitu, pihak Panitia Bahasa Inggeris begitu mengalu-alukan agar tuan/puan menyokong usaha yang dijalankan dengan menggalakkan anak-anak tuan/puan membeli serta membaca majalah tersebut daripada Panitia Bahasa Inggeris dengan harga RM 0.50 senaskah bagi Junior Educator (Tahap 1) dan RM 1.00 senaskah The Educator (Tahap 2). Langganan majalah ini adalah untuk 5 kali setahun seperti berikut:

- | | | | |
|-----|-----------------------------|-----|------------------------------|
| 4.1 | Keluaran – Januari/Februari | 4.4 | Keluaran – Julai/Ogos |
| 4.2 | Keluaran – Mac/April | 4.5 | Keluaran – September/Oktober |
| 4.3 | Keluaran – Mei/Jun | | |


5. Oleh yang demikian, pihak sekolah menyeru tuan/puan agar membuat tempahan dan bayaran bagi langganan setahun untuk memudahkan urusan pihak sekolah.

Kerjasama dan keprihatinan tuan/puan dalam menjayakan aktiviti dan merealisasikan hasrat untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris serta memperkasa bahasa amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(ROSAINI BINTI CHE MAN)
Guru Besar,
SK Alam Megah Dua,
Shah Alam

SLIP LANGGANAN MAJALAH EDUCATOR

Dengan ini saya
membenarkan anak jagaan saya
dari Kelas untuk melanggan majalah Educator sebanyak 5
keluaran bagi tahun 2012.

Bersama-sama ini saya sertakan wang sejumlah

RM 2.50 (untuk Tahun 1, 2 & 3)

RM 5.00 (untuk Tahun 4, 5 & 6)

} Sila tanda di ruang
berkenaan

Sekian, terima kasih.

Tarikh:

Tandatangan: